



SELEPAS HEGE

Dalam pertemuan ekonomi di Dubai, Forum Ekonomi Dunia (WEF) cuba meramalkan orde baharu dunia tahun 2030. Hasil perbincangan dalam Global World Economic Forum yang berlangsung pada November tahun lalu, isu cabaran terhadap sistem perdagangan global, pembangunan infrastruktur untuk abad ke-21, dan pemulihan kepercayaan terhadap pakar dan kepimpinan menjadi perbincangan hangat. Pertemuan itu dilaporkan membincangkan dua tema yang selari. Tema yang pertama ialah negara China hendaklah dianggap sama penting, walaupun tidak lebih penting daripada Amerika Syarikat, bagi membentuk senario dunia akan datang pada tahun 2030. Negara China kini kelihatan ke arah kestabilan, boleh diramalkan, dan mempertahankan sistem perdagangan global. Tema kedua, apakah Amerika Syarikat akan memainkan peranan global di dunia pada tahun 2030? Premis keseluruhan seni bina global yang dibina sejak tahun 1945 ialah kepimpinan Amerika. Walau bagaimanapun, China semakin muncul sebagai kuasa ekonomi dunia, namun ekonomi Amerika

Syarikat masih lagi terbesar di dunia. Dalam pertemuan itu juga para peserta membangkitkan persoalan, sama ada Amerika Syarikat masih mampu mempertahankan pasaran bebas dunia.

Selain kejutan masa depan itu, dunia kini menyaksikan keruntuhan orde dunia atau lebih tepat, orde antarabangsa liberal, seperti yang dibahaskan oleh G. John Ikenberry dalam "The End of Liberal International Order?" Melalui makalah yang diterbitkan dalam *International Affairs* pada awal Januari tahun ini, Ikenberry menyatakan bahawa, sekarang bukan masa gembira untuk puak antarabangsa liberal, yang sedang menghadapi krisis fahaman antarabangsa liberal, meskipun kedalaman krisis itu tidak dapat dipastikan. Ikenberry masih yakin dengan masa depan fahaman antarabangsa liberal. Bagaimanapun, beliau menyatakan sifat krisis yang berlaku itu memeranjatkan. Ancaman terhadap fahaman antarabangsa liberal dijangkakan akan datang dari negara bukan Barat yang sedang bangkit yang cuba melemahkan atau menterbalikkan orde pascaperang. Dalam hal menghadapi perseteruan ini, negara revisionis,



HEGEMONI AMERIKA

iaitu Amerika Syarikat dan Eropah dijangkakan berganding bahu untuk melindungi manfaat daripada 70 tahun kerjasama. Pada hakikatnya, fahaman antarabangsa liberal diancam secara mendalam oleh perkembangan dalam dunia Barat sendiri. Demokrasi liberal kelihatan rapuh dan dipolarisasikan, rentan terhadap populisme kanan jauh dan politik tidak balas yang hebat. Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, kelas pekerja bawahan dan menengah dalam demokrasi perindustrian maju, tempat bermula dan penerima faedah orde terbuka dan kerjasama antarabangsa menghadapi ketidaksamaan ekonomi dan genangan. Dalam dunia Barat, fahaman antarabangsa liberal semakin kelihatan, bukan sebagai punca ketidakstabilan dan solidariti dalam kalangan negara sehaluan, tetapi sebagai padang permainan global untuk golongan kaya dan berpengaruh. Fahaman antarabangsa liberal hilang hubungannya dengan usaha untuk mengejar kemajuan sosial dan ekonomi di negara Barat.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini wujud kecenderungan untuk membincangkan orde baharu dunia berikutan keruntuhan orde liberal global akibat kemerosotan hegemoni Amerika yang adakalanya disebut kemerosotan kuasa Amerika atau berakhirnya era atau keulungan Amerika. Kebangkitan Amerika Syarikat kepada hegemoni dunia merupakan proses yang panjang yang mula bertapak ketika kemelesetan dunia pada tahun 1873. Ketika itu, Amerika Syarikat dan Jerman mula menguasai dan meningkatkan bahagian pasaran dunia, terutamanya dengan mengorbankan ekonomi British yang terus-menerus surut. Kedua-dua buah negara baru sahaja mencapai tapak politik yang stabil, iaitu Amerika Syarikat berjaya menamatkan sepenuhnya Perang Saudara dan Jerman mencapai penyatuan dan menewaskan Perancis dalam Perang Perancis-Prusia. Dari tahun 1873 hingga 1914, Amerika Syarikat dan Jerman menjadi pengeluar utama dalam sektor utama tertentu: keluli dan kemudian automobil bagi Amerika Syarikat dan bahan kimia bagi Jerman.



serius daripada Kesatuan Soviet yang mempunyai tentera darat terbesar di dunia.


Kemudian, Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet terjebak dalam Perang Dingin, yang menurut Wallerstein, "kita tidak sepatutnya memperlekeh komponen ideologi dan budaya hegemoni Amerika Syarikat". Tambah beliau, tempoh sebaik sahaja pasca-1945 mungkin menyaksikan titik tinggi sejarah untuk populariti ideologi Komunis, yang menyaksikan Parti Komunis dalam pilihan raya bebas berjaya meraih undi yang besar, seperti di Belgium, Perancis, Itali, Czechoslovakia, dan Finland, serta sokongan terhadap Parti Komunis yang berkubu di Asia, seperti di Vietnam, India, dan Jepun, dan di seluruh Amerika Latin. Tidak ketinggalan di China, Greece, dan Iran.

Menurut Wallerstein, kejayaan Amerika Syarikat sebagai kuasa hegemoni pada tempoh pascaperang mewujudkan keadaan kematian hegemoni negara itu. Proses digarap dalam empat simbol: perang di Vietnam, revolusi tahun 1968, kejatuhan Tembok Berlin pada tahun 1989 dan serangan pengganas pada 11 September 2001. Setiap simbol itu dibina pada simbol sebelumnya, memuncak dengan situasi yang Amerika Syarikat dapati dirinya sekarang – kuasa besar yang keseorangan yang ketiadaan kuasa sebenar, pemimpin dunia yang tidak ada negara yang ikut dan sedikit hormat, dan negara melayang-layang ke dalam kancah kacau-bilau global yang bahaya yang tidak dapat dikawalinya. Meskipun Kesatuan Soviet runtuh dan Amerika Syarikat memenangi Perang Dingin, kuasa hegemoninya dicabar oleh Saddam Hussein yang dengan berani menceroob Kuwait pada tahun 1990.

Walaupun bagaimanapun, Joseph S. Nye, Jr, dalam bukunya, *Is the American Century is Over?*, cuba menafikannya, dengan menegaskan bahawa "perkataan

'hegemoni' digunakan dalam cara yang berlainan dan mengelirukan". Dari segi ketenteraan, Amerika Syarikat dihimpit oleh Rusia yang bangkit

Immanuel Wallerstein dalam bukunya, *The Decline of American Power*, membincangkan secara mendalam sejarah hegemoni Amerika, daripada kebangkitan hinggalah kemerosotannya. Menurut Wallerstein, kedua-dua buah negara itu, iaitu Amerika Syarikat terus bersaing untuk mencari hegemoni dalam "peperangan selama 30 tahun", bermula dengan Perang Dunia Pertama yang teretus pada tahun 1914 dan berakhir pada tahun 1914, dan Perang Dunia Kedua dari tahun 1939 hingga 1945. Perang Dunia Kedua mengakibatkan pemusnahan yang sangat besar terhadap infrastruktur dan penduduk seluruh Eurasia, dari Lautan Atlantik ke Lautan Pasifik, dengan hampir kebanyakan negara menanggung akibatnya. Hanya kuasa perindustrian besar di dunia yang tidak terjejas, dan bahkan semakin kuat. Dari perspektif ekonomi ialah Amerika Syarikat, yang bergerak pantas untuk memperkuh kedudukannya. Perjanjian Yalta, dari segi politik, *status quo*, dengan Kesatuan Soviet menguasai satu pertiga dunia, manakala selebihnya untuk Amerika Syarikat. Sejak itu juga Amerika Syarikat menghadapi cabaran ketenteraan yang



semula daripada keruntuhan, dan sekali-sekala diusik oleh Korea Utara, manakala dari segi ekonomi, disaingi rapat oleh China. Pada hakikatnya, orde baharu dunia Amerika, tidak wujud lagi. Kira-kira 25 tahun selepas Perang Dingin, satu tema dominan dasar luar Amerika Syarikat ialah usaha untuk menggabungkan orde antarabangsa liberal yang pada mulanya bertapak di Barat selepas Perang Dunia Kedua. Washington berharap untuk mencapai usaha ini dengan mengintegrasikan pencabar potensi sistem, iaitu Rusia dan China secara mendalam ke dalam sistem yang mereka tidak mempunyai keinginan untuk mengganggu-gugatnya. Matlamatnya adalah dengan alat ekonomi dan dorongan diplomatik, untuk membawa semua kuasa besar utama dunia ke dalam sistem yang mereka berasa puas hati, tetapi pada masa yang sama, Amerika Syarikat dan nilainya masih pada kedudukan tertinggi.

Tatkala hegemoni Amerika Syarikat kian merosot, China semakin memperlihatkan kebangkitannya yang menakutkan. Selain China, dunia juga menyaksikan kebangkitan Eurasia yang dijangkakan sebagai tanda orde baharu dunia. Pada era Perang Dingin, Tembok Berlin membahagikan Eropah. China di bawah pemerintahan Mao Zedong terasing dan berbandangan ke dalam. Namun, tegas Gideon Rachman yang muncul dalam *Financial Times* dengan "Does the Rise of Eurasia Herald a New World Order?" dengan robohnya tembok dan pembukaan China, sekatan yang dikenakan dari segi politik runtuh dan jisim bumi Eurasia sekali lagi muncul sebagai entiti berbeza, dengan ekonomi yang hebat dan kesignifikan strategik. Secara khusus, "Jalur dan Jalan" yang diusahakan oleh China mewujudkan rangkaian infrastruktur baharu yang menyerlahkan potensi yang merangkaikan Eropah dan Asia melalui jalan darat. Rachman memetik buku *The Dawn of Eurasia: On the Trail of the New World Order* oleh Bruno Maçães, yang percaya bahawa kemunculan Eurasia sebagai jisim bumi yang bersempadan dan koheren merupakan faktor paling penting dalam kemunculan orde baharu dunia. Abad ke-21, tegas Maçães, bukannya

Amerika atau Asia, tetapi sebaliknya, "Eurasia" – dikuasai oleh saling mempengaruhi kuasa di benua besar Eurasia, selain China, Rusia, dan Kesatuan Eropah. Hal ini, seperti yang dikemukakan oleh Maçães, hanya pulang semula kepada pola sejarah: "Eurasia merupakan jisim bumi terbesar di dunia ini, tempat kebanyakan peradaban sejarah manusia yang agung dimajukan".

Peter Sloterdijk, ahli falsafah Jerman yang terkenal dan kontroversial, pengkritik budaya, hos televisyen terkenal, dan penulis buku *Stressand Freedom* dalam wawancara dengan Nathan Gardels, ketua editor *World Post* pada pertengahan Januari, "The World is Returning to Pluralis after American Hegemony, Says German Philosopher", mempunyai pandangan yang berlainan. Menurut Sloterdijk selepas hegemoni Amerika, dunia kembali semula kepada pluralisme. Beliau juga menafikan bahawa dunia akan kembali semula kepada fahaman kabilah, meskipun benar bahawa peradaban yang berbeza menggunakan naratif yang sangat berbeza untuk menyatakan tempat mereka di dunia hari ini. Apa-apa yang berlaku sekarang sebenarnya, ialah pencapaian kem Amerika dan bukannya dunia berpecah kepada beberapa suku kaum. Beliau menegakkan ramalan yang bersifat utopia ini, sebabagiannya kerana Amerika, sebagai pemimpin dunia Barat, memperlihatkan dirinya, sekurang-kurangnya untuk sementara waktu, sebagai sesuatu yang menjijikkan, dan bukannya sebagai sesuatu yang mempunyai daya tarikan. Seterusnya Eropah dijangkakan meneruskan kedudukannya sebagai politik yang lemah secara relatif; dan akhir sekali, kerana kebingkasan budaya wilayah memesatkan penentangan terhadap asimilasi dengan Barat.

Fenomena ini, tegas Sloterdijk, tidak terbatasi di zon pengaruh Arab, Iran atau Turki, tetapi dapat ditemukan juga di China, Indonesia, Asia Tengah, Afrika dan Amerika Latin. Era pascakolonial global telah membuka pintu kepada rasa geram anti-Barat dalam beberapa manifestasi mereka.

Sloterdijk turut menegaskan bahawa meskipun individu memperlihatkan keindividualan dan tiada banding mereka, mereka semakin bergantung pada pembahagian kerja sosial, ekonomi wang, dan komunikasi, di samping perkongsian maklumat yang mengalir melampaui "kawasan kejiranan" mereka. Beliau memetik kenyataan ahli antropologi sejarah yang mengingatkan kita hakikat bahawa *homo sapiens* pada mulanya berkembang dalam kumpulan yang kecil yang kadangkala dirujuk sebagai gerombolan, atau secara pilihan sebagai suku kaum atau suku. Manusia kelihatan dari segi antropologi dirancang pada mulanya untuk hidup dalam kumpulan yang kecil sebelum mereka dididik semula untuk wujud bersama dengan anggota lain daripada kalangan orang yang sama dan untuk membentuk komuniti sosial yang lebih besar, tetapi tidak hingga era orang pertama dan negara berjaya awal.

Penjelasan Sloterdijk itu mengesahkan bahawa hegemoni Amerika berakhir, dan beliau dengan yakin menegakkan kepulangan semula fahaman majmuk atau pluralisme dan bukannya fahaman kabilah. ☺

